

UN 06 U.R.D M.B.P.J.

[FOTO LANO LAN/BH]

BH PLUS
di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video



Cendawan tiram.



Premis cendawan Abdul Haya di Pusat Orang Buta Tuaran.

Abdul Haya meninjau tanaman cendawan yang diusahakannya di Pusat Orang Buta Tuaran.

Cacat penglihatan tidak halang jadi usahawan cendawan tiram

BH
6/12/2016
m/s-5

➔ Abdul Haya jana pendapatan sehingga RM3,500 sebulan

Oleh Suzianah Jiffar
suzianah@bh.com.my

Tuaran

Kecacatan penglihatan tidak menghalang Abdul Haya Madiel, menjadi pengusaha cendawan tiram, hingga mampu meraih pendapatan yang baik bagi menyara keluarganya setiap bulan.

Abdul Haya, 39, yang cacat penglihatan Tahap B2, menguruskan cendawan tiram sejak lebih tiga tahun lalu di premis miliknya yang terletak di Pusat Orang Buta Tuaran di sini.

Sambil mengakui kerja itu mencabar bagi individu yang serba kekurangan seperti dirinya, namun dia masih mampu mengurus lebih 6,000 beg media yang ditanam benih cendawan, setiap hari.

“Sesekali isteri dan anak turut membantu, selain rakan di pusat ini. Rutin harian saya, seawal jam 7 pagi setiap hari, datang ke pusat ini dari rumah di Taman Sri Rugading, Telipok, untuk membersihkan, menyiram dan seterusnya menuai jika cendawan sudah matang.

“Walaupun mencabar tetapi lama kelamaan ia menjadi perkara biasa kerana pembabitan dalam tanaman ini bermula sejak 2012.

“Setakat ini, tiada masalah untuk saya menuai cendawan ini. Saya tahu keadaannya sama ada sedia dituai atau belum, secara sentuhan,” katanya yang mengambil masa antara tiga hingga empat jam untuk menuai cendawan yang dibuat dua kali seminggu.

Abdul Haya yang berkahwin dengan orang kurang upaya (OKU) buta penglihatan B1 (buta sepenuhnya), mempunyai lima anak berusia antara 11 hingga 19 tahun.

Pernah kursus refleksologi

Beliau yang juga anak kedua daripada enam beradik itu pernah mengikuti kursus refleksologi di Pusat Latihan Orang Buta Taman Cahaya di Sandakan pada 2011, namun memilih mengusahakan cendawan tiram.

Fakta nombor

6,000 BEG

cendawan tiram
diusahakan Abdul Haya

100 KILOGRAM

setiap kali tuaian

RM15
SEKILOGRAM

setiap kali tuaian

Selain cendawan, pusat terbabit mewujudkan pelbagai projek berkonsepkan penjanaan kewangan untuk penghuni persatuan itu seperti penanaman halia dan ladang ternakan ayam.

Menceritakan lebih lanjut, Abdul Haya berkata, dia mengikuti kursus mengusahakan cendawan kira-kira tiga tahun lalu sejak berkecimpung secara kecil-kecilan dalam tanaman itu.

“Asalnya, saya hanya menyimpan kira-kira 1,500 beg media yang ditumpangkan dalam sebuah premis di pusat ini sebelum mengikuti kursus. Sebagai seorang yang buta, banyak pengalaman saya perolehi menerusi kursus termasuk cara mengetahui bila cendawan boleh dituai apabila matang menggunakan sentuhan.

“Sejak Ogos lalu, saya menambah jumlah beg media sehingga lebih 6,000 yang mula mengeluarkan hasil mulai Oktober. Cendawan yang dituai dihantar kepada beberapa hotel sekitar Tuaran dan Kota Kinabalu,” katanya.

Dia mengakui mengeluarkan modal sendiri, selain dibantu Pusat Orang Buta Tuaran, selain menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Mengakui pada mulanya sukar

melakukan kerja itu, Abdul Haya berkata, sokongan pengurusan Pusat Orang Buta Tuaran, selain keluarga dan rakan, banyak membantunya untuk meneruskan minat dalam bidang terbabit.

“Saya berterima kasih kepada pusat ini, termasuk Presiden Pertubuhan Bagi Orang Buta Sabah, Datuk Rosalind Chew Bee Koh, kerana memberi peluang dan sokongan kepada kami untuk menambah pendapatan keluarga,” katanya.

Bantu tingkat pendapatan

Sementara itu, Rosalind berkata, penanaman cendawan adalah antara usaha pertubuhan itu bagi membantu OKU buta penglihatan meningkatkan pendapatan.

“Saya juga sudah berbincang dengan beberapa hotel sekitar Tuaran dan Kota Kinabalu untuk kami menghantar cendawan diusahakan Abdul Haya setiap minggu bagi dijadikan menu sajian di tempat mereka.

“Kami juga menggalakkan orang buta, terutama penghuni pusat ini, mengikuti pelbagai kursus kemahiran supaya mereka lebih berdikari, sekali gus mengeluarkan mereka daripada pengangguran,” katanya.